

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 6 JANUARI 2016 (RABU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Dr. Amirudin Abdul Wahab	Harian Metro
2	Profesional keselamatan siber dijangka bertambah 200 setahun	Harian Metro
3	Profesional keselamatan siber bertambah	Berita Harian
4	Cybersecurity aims for 200 experts a year	The Malay Mail
5	Cybersecurity Malaysia eyes up to 200 cyber security professionals per annum	Bernamea.com
6	Gelombang kedua, ketiga banjir di Sarawak diramal tidak serius	Utusan Malaysia
7	Govt to study Sarawak's flood mitigation	The Star
8	Ahmad Zahid: Emulate Sarawak flood mitigation measures	The Malay Mail

**KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (BISNES) : MUKA SURAT 40
TARIKH: 06 JANUARI 2016 (RABU)**

**Dr Amirudin
Abdul Wahab**

Ketua Pegawai Eksekutif
Cybersecurity Malaysia

Setakat Disember
lalu, kita mempunyai
kira-kira 5,190 tenaga
profesional keselamatan
siber di Malaysia
dan memerlukan
lebih ramai lagi”



Seri Kembangan: Cybersecurity Malaysia menjangka bilangan profesional keselamatan siber bertambah sehingga 200 setahun berikutan peningkatan jumlah program berkaitan bidang itu.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dr Amirudin Abdul Wahab berkata, ini menyumbang kepada sasaran kebangsaan sebanyak 10,000 tenaga profesional menjelang 2020 bagi menampung keperluan sektor keselamatan siber yang berkembang pesat.

Profesional keselamatan siber dijangka bertambah 200 setahun

“Lepasan bidang sains komputer tidak memiliki kemahiran untuk melindungi serta mempertahankan infrastruktur teknologi komunikasi dan maklumat kerana aspek keselamatan siber adalah satu kemahiran khusus dan memerlukan latihan khas.

“Setakat Disember lalu, kita mempunyai 5,190 tenaga profesional keselama-

tan siber di Malaysia dan memerlukan lebih ramai lagi,” katanya pada sidang media selepas memeterai memorandum perjanjian dengan Putra Inteltek International College (PIIC), di sini, semalam.

Menerusinya, Cybersecurity Malaysia melantik PIIC sebagai ejen pemasaran program latihan keselamatan maklumat miliknya.



DR Amirudin

Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif PIIC, Dr Barathan Muniyandy menyifatkan kerjasama itu berepatan pada masanya berikutan peningkatan jenayah berkaitan keselamatan siber di peringkat global.

“Rantau Asia yang mencatat perkembangan ekonomi yang pesat turut menjadi sasaran ancaman itu,” katanya.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (BISNES) : MUKA SURAT B5
TARIKH : 6 JANUARI 2016 (RABU)

Profesional keselamatan siber bertambah

Cybersecurity Malaysia menjangkakan bilangan profesional keselamatan siber akan bertambah antara 100 hingga 200 orang setahun berikutan peningkatan jumlah program berkaitan bidang itu.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dr Amirudin Abdul Wahab, berkata ini akan menyumbang kepada sasaran kebangsaan sebanyak 10,000 tenaga profesional menjelang 2020 bagi menampung keperluan sektor keselamatan siber yang berkembang pesat.



Latihan khas

Katanya, lepasan bidang sains komputer tidak memiliki kemahiran untuk melindungi serta mempertahankan infrastruktur teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) kerana aspek keselamatan siber adalah satu kemahiran khusus dan memerlukan latihan khas.

"Setakat Disember lalu, kita mempunyai kira-kira 5,190 tenaga profesional keselamatan siber di Malaysia dan memerlukan lebih ramai lagi," katanya pada sidang media selepas memeterai memorandum perjanjian dengan Putra Intelek International College (PIIC), di Seri Kembangan, Selangor, semalam.

Di bawah perjanjian itu, Cybersecurity Malaysia melantik PIIC sebagai ejen pemasaran program Latihan Keselamatan Maklumat miliknya.

Sasaran ancaman

Sementara itu, Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif PIIC, Dr Barathan Muniyandy, menyifatkan kerjasama itu bertepatan pada masanya berikutan peningkatan jenayah berkaitan keselamatan siber di peringkat global.

Beliau berkata, rantau Asia yang mencatat perkembangan ekonomi yang pesat turut menjadi sasaran ancaman itu.

"Justeru, kami berharap dapat memanfaatkan perkongsian ini bagi menambah pengetahuan serta kemahiran penuntut kolej ini bagi menangani isu keselamatan siber," katanya.

Pendaftaran program Latihan Keselamatan Maklumat yang bermula bulan depan, akan dibuka mulai 18 Januari ini.

“
Setakat
Disember
2015,
kita ada
kira-kira
5,190 tenaga
profesional
keselamatan
siber
di Malaysia
dan perlukan
lebih ramai
lagi”

**Amirudin
Abdul Wahab,
Ketua Pegawai
Eksekutif
Cybersecurity
Malaysia**

